

Sebulan 15 kali banjir

Penduduk Kampung Belimbing Dalam buntu setiap kali hujan lebat biarpun hanya seketika

►Oleh Arifin Salleh
am@hmetro.com.my

ALOR GAJAH: “Dalam tempoh sebulan, sudah 15 kali rumah kami dinaiki air. Mana lagi mau pindah sedangkan inilah tempat kami tinggal sejak puluhan tahun lalu. Kalau ke tempat pemindahan, tidak lama selepas balik rumah, kami kena pindah semula kerana banjir datang lagi.”

Demikian keluhan beberapa penduduk Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal, di sini, yang buntu apabila kediaman mereka kerap dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat hingga mengakibatkan banyak perkakasan rosak.

Tinjauan Metroplus di sekitar kawasan kampung itu mendapati air mula membanjiri halaman rumah mereka sebelum masuk ke bahagian dalam rumah dalam

tempoh singkat walaupun hujan hanya selama sejam.

Penduduk, Samsul Khairun Musa, 42, berkata setiap kali hujan, dia sekeluarga

terpaksa mengalihkan semua peralatan ke tempat tinggi bagi mengelak mengalami kerosakan dan ditenggelami air.

**TENGGEAM...
keadaan kawasan
rumah mangsa yang
dilanda banjir.**



“Dalam keadaan cuaca tidak menentu, ia membuatkan kami sekeluarga hidup tidak tenang dan perlu bersengkang mata apabila hujan

lebat terutama pada waktu malam,” katanya.

Menurutnya, dalam tempoh antara Oktober hingga pertengahan bulan ini, dia sekeluarga terpaksa berdepan banjir sebanyak 15 kali sehingga rumah didudukinya itu berbau lumpur.

“Bukan saja rumah, jika hujan pada tengah malam ketika sedang tidur, kenderaan di luar rumah turut ditenggelami air dan keadaan ini tidak menyenangkan bagi kami termasuk beberapa penduduk lain yang senasib,” katanya.

Kata Samsul Khairun, dia difahamkan beberapa rumah penduduk di kawasan itu akan dipindahkan ke lokasi lain yang lebih selamat daripada bencana banjir namun masih tiada perkembangan sehingga kini.

“Penduduk akan terus berdepan banjir lumpur ini selagi tidak berpindah ke tem-

pat lain. Apabila ditanya mengenai bantuan dan sumbangan, pihak berkaitan hanya menjawab kejadian itu akibat bencana alam,” katanya.

Bagi Yassin Othman, 39, jika keadaan itu berterusan, penduduk akan terus berdepan dilema termasuk ancaman dari binatang berbisa yang merayap setiap kali berlakunya banjir dan keadaan itu amat membahayakan keselamatan penduduk.

“Saya berharap masalah kekerapan banjir di kampung ini dapat diselesaikan supaya kami dapat tinggal lebih lama dengan selesa dan menjalani rutin harian seperti biasa,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Durian Tunggal, Datuk Ab Wahab Ab Latip berkata, pihaknya sudah menguruskan sebidang tanah membabitkan 240 lot untuk lebih 800 mangsa banjir.